NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

| | | |
|---|---|---|
| Jil. 64<br>No. 27 | **31hb Disember 2020** | *TAMBAHAN*<br>*No. 2* |


KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

*NATIONAL LAND CODE*
*(Act 56 of 1965)*

**No. 1064.**

PEMBERITAHUAN MENGUBAH SEMPADAN BANDAR MUKIM 13

*NOTIFICATION OF ALTERATION OF THE TOWN BOUNDARY OF MUKIM 13*

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 11*(ca)*, Kanun Tanah Negara [*Akta 828*], Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang memberitahu bahawa sempadan bandar Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang seperti ditunjukkan dalam Pelan *Warta* No. 1100 yang dinyatakan dalam Jadual dan disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan, Pulau Pinang mulai 14 Disember 2017.

*In exercise of the powers conferred by paragraph 11(ca) of the National Land Code* [*Act 828*]*, the State Authority of Penang notifies that the town boundary of Mukim 13, North East District, Penang as shown in Gazette Plan No. 1100 specified in the Schedule and deposited in the Department of Survey and Mapping, Penang with effect from 14 December 2017.*

JADUAL/*SCHEDULE*

Mukim/*Township*—13. Daerah/*District*—Timur Laut. No. Pelan/*Plan No.*—P.W. 1100.

Bertarikh 18 Disember 2020

*Dated 18 December 2020*
[PTG/PP/(S)/2318; PTTL/PP/G/3518; PUNPP 352/100/1/2/EA/11 JLD. 14]

MUHAMAD AZRAI BIN MOHAMAD ZAINI
*Setiausaha*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*
*Pulau Pinang/*
*Secretary*
*State Executive Council*
*Penang*

**No. 1065.**

(Seksyen 27)

NOTIS MENGENAI SIASATAN

Suatu siasatan akan diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang pada hari Selasa bersamaan 19 Januari 2021 pada jam 10.00 pagi berkenaan dengan perkara-perkara yang berikut:

Permohonan Pendua Hakmilik Hilang/Hancur bagi G.M. 1394, Lot 3103, Mukim 8, Seberang Perai Utara.

Sesiapa jua yang ada apa-apa kepentingan dalam perkara ini atau yang hendak membuat apa-apa tuntutan, bantahan atau lain-lain permintaan hendaklah hadir di tempat dan pada waktu yang dinyatakan dan hendaklah bersedia memberi keterangan lisan dan mengemukakan apa-apa keterangan suratan yang ada dalam miliknya.

Mana-mana yang tersebut boleh dibantu dalam siasatan itu oleh seorang peguambela dan peguamcara.

Mana-mana orang tersebut boleh membuat permohonan, dengan surat berdaftar, untuk penangguhan atau pertukaran tempat, dengan menyatakan:

(a) sebab-sebab mengapa penangguhan atau pertukaran itu diminta; dan

(b) sifat dan isi keterangan yang dia mencadang diberi atau dikemukakan.

TAMBAHAN

Kepada Zauyah binti Othman yang beralamat di 540, Ayer Itam Road, Pulau Pinang.

Saya ada sebab mempercayai bahawa kamu ada kepentingan dalam hal perkara siasatan ini.

Ambil perhatian bahawa jika kamu tidak hadir pada masa dan di tempat yang dinyatakan maka siasatan itu akan diteruskan dan disempurnakan dalam ketidakhadiran kamu.

TAMBAHAN

Kepada Amah Saad atau warisnya yang beralamat di 49, Lorong Gedebang, Alor Setar, Kedah.

Saya ada sebab mempercayai bahawa kamu ada kepentingan dalam hal perkara siasatan ini.

Ambil perhatian bahawa jika kamu tidak hadir pada masa dan di tempat yang dinyatakan maka siasatan itu akan diteruskan dan disempurnakan dalam ketidakhadiran kamu.

Bertarikh 23 November 2020
[PTSPU(D) 38/2020]

HAZWANI BINTI ISMAIL
*b.p. Pentadbir Tanah*
*Seberang Perai Utara*
*Pulau Pinang*

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960
(Akta 486)

*LAND ACQUISITION ACT 1960*
*(Act 486)*

**No. 1066.**

(Seksyen 4)

*(Section 4)*

NOTIS BAHAWA TANAH BERKEMUNGKINAN AKAN DIAMBIL

*NOTICE THAT LAND IS LIKELY TO BE ACQUIRED*

Dengan ini adalah diberitahu bahawa tanah-tanah di tempat yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, termasuk mana-mana tanah, jika ada, yang dinyatakan mengikut nombor lotnya atau mengikut nombor lot tanah-tanah yang bersempadan dengannya, mungkin diperlukan bagi maksud-maksud yang berikut:

Tujuan pembangunan ekonomi di bawah perenggan 3(1)*(b)* Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*] iaitu Laluan Awam.

2. Dengan ini, adalah selanjutnya diberitahu bahawa mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengarah Negeri bagi maksud itu boleh memasuki mana-mana tanah di tempat itu bagi tujuan memeriksa tanah tersebut dan menjalankan kerja-kerja ukur. Pampasan akan dibayar jika berlaku apa-apa kerosakan pada masa menjalankan kerja sedemikian. Apa-apa pertikaian mengenai amaun pampasan itu hendaklah dirujuk kepada Pentadbir Tanah di Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Barat Daya.

*It is hereby notified that lands in the locality described in the Schedule hereto, including those lands, if any, specified by its lot number or by the lot numbers of neighbouring lands, are likely to be needed for the following purpose:*

*Economic development under paragraph 3(1)(b) of the Land Acquisition Act 1960* [*Act 486*] *to wit a Public Road.*

*2. It is further notified that any person authorised by the State Director in that behalf may enter upon any land in such locality in order to examine it and undertake survey operations. If any damage is done in the course of such work, compensation will be paid. Any dispute as to the amount of such compensation shall be referred to the Land Administrator at the District and Land Office, District of Barat Daya.*

JADUAL/*SCHEDULE*

Mukim/*Township*—12. Daerah/*District*—Barat Daya. No. Lot/*Lot No.*—70678.

Bertarikh 16 Disember 2020
*Dated 16 December 2020*
[PTG/PT/BD/(S)/306; PTBD/B/360; PUNPP 352/100/1/2/EA/12 Jld. 14]

HAJI ZULKIFLI BIN LONG
*Pengarah Tanah dan Galian*
*Pulau Pinang/*
*Director of Lands and Mines*
*Penang*

**No. 1067.**

(Seksyen 8)

*(Section 8)*

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

*DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION*

Dengan ini adalah diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan tertentu seperti yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Tujuan pembangunan ekonomi di bawah perenggan 3(1)*(b)* Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*] iaitu Laluan Awam.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan itu.

*It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:*

*Economic development under paragraph 3(1)(b) of the Land Acquisition Act 1960* [*Act 486*] *to wit a Public Road.*

*2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the District in which such lands and areas are situated.*

JADUAL/*SCHEDULE*

Mukim/*Township*—12. Daerah/*District*—Barat Daya. No. Lot Ukur/*Survey Lot No.*—70678. Hakmilik atau Kependudukan/*Title or Occupation*—G.M. 3469. Tuan Tanah Berdaftar atau Penduduk Yang Direkodkan/*Registered Proprietor or Recorded Occupant*—Hong Bee Motors Sdn. Bhd. 1/1 bhg. Keluasan Lot/*Area of Lot*—4,762.0000 meter persegi/*square metre*. Anggaran Keluasan Yang Akan Diambil/*Approximate Area To Be Acquired*—4,762.0000 meter persegi/*square metre*.

Bertarikh 16 Disember 2020
*Dated 16 December 2020*
[PTG/PT/BD/(S)/306; PTBD/B/360; PUNPP 352/100/1/2/EA/12 Jld. 14]

HAJI ZULKIFLI BIN LONG
*Pengarah Tanah dan Galian Pulau Pinang/*
*Director of Lands and Mines Penang*

**No. 1068.**

PERISYTIHARAN PENARIKAN DARI PENGAMBILAN TANAH

*DECLARATION OF WITHDRAWAL FROM LAND ACQUISITION*

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*], Pihak Berkuasa Negeri menarik balik perisytiharan pengambilan tanah bagi lot-lot sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual yang belum diambil milik oleh Pihak Berkuasa Negeri.

2. Perisytiharan pengambilan tanah itu yang telah disiarkan dalam Pemberitahuan *Warta* Kerajaan Negeri Pulau Pinang No. 201 pada 7 Februari 2019.

*In exercise of the powers conferred by subsection 35(1) of the Land Acquisition Act 1960 [Act 486], the State Authority withdraws from the acquisition of the land for the lots as specified in the Schedule of which possession has not been taken by the State Authority.*

*2. The declaration of the acquisition of that lands was published in the Penang State Government Gazette Notification No. 201 on 7 February 2019.*

JADUAL/*SCHEDULE*

Seksyen/*Section*—Mukim 1. Daerah/*District*—Seberang Perai Utara. No. Lot Ukur/*Survey Lot No.*—1071. Hakmilik atau Kependudukan/*Title or Occupation*—G.M. 1312. Tuan Tanah Berdaftar atau Penduduk Yang Direkodkan/ *Registered Proprietor or Recorded Occupant*—P.G. Doraisamy a/l P. Gopal (K/P Lama: 0513631. Keluasan Lot/*Area of Lot*—12,823.4559 meter persegi/ *square metre*. Anggaran Keluasan Yang Akan Ditarik Balik/*Approximate Area of Withdrawal*—31.908 meter persegi/*square metre* (0.0032 hektar/*hectares)*.

Bertarikh 16 Disember 2020

*Dated 16 December 2020*
[PTG/PT/SPU/(S)/618; PTSPU/B/836(29);
PUNPP 352/100/1/2/EA/12 Jld. 14]

HAJI ZULKIFLI BIN LONG
*Pengarah Tanah dan Galian*
*Pulau Pinang/*
*Director of Lands and Mines*
*Penang*

**Hakcipta Pencetak** (H)
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA